

11/06/2003

Pelbagai pihak mahu pegawai PBT seleweng diganti

KUALA LUMPUR: Pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menyalahgunakan kuasa bukan setakat harus ditukarkan, malah diberhentikan perkhidmatan kerana mereka mementingkan diri sendiri dan menghalang proses pembangunan.

Pelbagai pihak di seluruh negara bukan setakat menyokong kenyataan Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan pegawai berkenaan diganti, malah disiasat sama ada terbabit dalam rasuah dan penyelewengan kuasa.

Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Datuk Mohd Hamdan Adnan, berkata kerajaan negeri harus bertindak tegas memberhentikan pegawai PBT yang terbabit dalam rasuah.

"Jika mereka ditukarkan, penyelewengan dan rasuah akan tetap dipraktikkan mereka di kawasan baru. Kita berpendapat pegawai yang rasuah

dan menyalahgunakan kuasa diberhentikan dan disiasat," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata pegawai PBT yang menyalahgunakan kuasa

dan gagal melaksanakan tugas kepada masyarakat harus diganti.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, yang mengalu-alukan kenyataan

Dr Mahathir, berkata ia adalah amaran keras kepada pegawai PBT yang gagal

melaksanakan tugas dengan baik.

Sementara itu, Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Ahmad Fuad Ismail, berkata keluasan kawasan pentadbiran PBT

dan kepadatan penduduk yang tinggi adalah antara punca timbulnya masalah majlis perbandaran dan daerah tidak cekap menjalankan tugas.

Selain itu, katanya, kekurangan kakitangan dan peruntukan serta sistem pengurusan yang tidak sistematik menyebabkan PBT gagal menjalankan tugas dengan sempurna.

Di IPOH, Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Chang Ko Youn, berkata YDP majlis daerah dan majlis perbandaran perlu turun padang bagi memastikan pegawai dan kakitangan mereka melaksanakan tugas dan bersih.

Di GEORGETOWN, Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Zainol Abidin Md Noh, berkata MPSP tidak menghadapi masalah berhubung pegawai yang gagal melaksanakan tugas kerana organisasi itu menitikberatkan Piagam Pelanggan.

Kemampuan MPSP dianugerahkan ISO 9001/2000 baru-baru ini adalah pengiktirafan terhadap keberkesanan perkhidmatan MPSP, katanya.

Di ALOR STAR, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata kerajaan negeri sudah mempraktikkan pendekatan menggantikan pegawai PBT yang gagal menjalankan tugas dengan sempurna.

Di JOHOR BAHRU, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Datuk

Wahid Dahlan, berkata MBBB tidak akan teragak-agak untuk mengganti atau memberhentikan pegawai yang terbukti menyalahgunakan kuasa atau gagal mempamerkan prestasi kerja yang baik.

Di KUALA TERENGGANU, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Ajil, Rosol Wahid, berkata kelemahan pegawai PBT dalam melaksanakan tugas mencerminkan pegawai terbabit mengamalkan budaya kerja tidak telus.